

## **BANTUAN MASJID DAN SURAU (BAIKPULIH/KELENGKAPAN/BEKALAN)**

### **OBJEKTIF**

Bantuan ini bagi meringankan bebanan kewangan Masjid/Surau yang tidak berkemampuan untuk membaikpulih kerosakan asas atau menyiapkan pembinaan yang tergendala serta membantu Masjid/Surau yang serba kekurangan dengan membekalkan peralatan atau kelengkapan asas bagi keperluan beribadah.

### **KEKERAPAN**

Kadar bantuan diberi sekali sahaja. Permohonan berulang boleh dipertimbangkan sekiranya berlaku musibah seperti banjir, kebakaran, kecurian, kerosakan dan sebagainya tertakluk kepada siasatan lanjut.

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Keutamaan kepada Masjid/Surau/Mushola yang yang serba kekurangan di dalam atau luar Bandar atau yang belum pernah memohon/diberi bantuan sebelum ini.
2. Digalakan mengemukakan senarai kelengkapan asas, kos perbelanjaan baikpulih dan gambar lokasi.
3. Masjid/Surau bagi kawasan penempatan awam mestilah mengemukakan salinan dokumen pendaftaran dari pihak JAIS dan bagi masjid/surau yang belum mendaftar, maka surat sokongan atau siasatan akan dibuat dengan pihak Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) yang terdekat atau pihak naqib yang berdekatan.
4. Bagi Mushola di peringkat sekolah, Jabatan, Institusi yang menggunakan bilik sementara tidak terikat dengan syarat yang (3) di atas tetapi perlu mendapat sokongan daripada pihak yang bertanggungjawab seperti Guru Besar, Pengetua, Ketua Jabatan dan yang berkaitan.
5. Bagi permohonan pertama hendaklah menghantar laporan aktiviti penggunaan dana bantuan tersebut.
6. Bagi permohonan berulang, hendaklah disertakan laporan aktiviti penggunaan dana bantuan yang telah dilaksanakan (Tahun sebelumnya).
7. Permohonan yang memerlukan maklumat lanjut akan dibuat semakan ataupun siasatan.

### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

1. Surat Permohonan.
2. Salinan buku akaun (Masjid/Surau/Mushola/Sekolah/PIBG/Universiti/Badan Organisasi/Persatuan/Institusi).
3. Senarai kos perbelanjaan bagi permohonan baikpulih.
4. Laporan siasatan ke atas Masjid dan Surau yang tidak berdaftar dengan pihak Kerajaan.
5. Surat pendaftaran dari Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) (rujuk syarat-syarat permohonan kurungan 3).